

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman**  
**[ Tanjong Manis ]**

**TARIKH : 29 Mac 2018 (Khamis)**

**SOALAN : Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman**  
**[ Tanjong Manis ] minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan berapakah jumlah kerugian  
pertanian akibat banjir pada hujung  
tahun 2017 dan awal tahun ini beserta  
dengan pecahan mengikut sektor dan  
negeri yang terlibat dan apakah bantuan  
daripada Kementerian kepada petani yang  
mengalami kerugian tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana kelaziman pada setiap tahun, Malaysia akan mengalami musim peralihan monsun. Musim peralihan monsun tersebut akan memberikan taburan hujan yang lebih tinggi di sesetengah kawasan dan seterusnya mengakibatkan banjir.

Berdasarkan tinjauan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selepas bencana banjir pada penghujung tahun 2017 dan awal tahun 2018, anggaran jumlah kerugian keseluruhan yang dialami akibat banjir ialah RM109,920,496.12, di mana sektor pertanian sebanyak RM45,390,647.50, sektor penternakan RM2,255,639.42 dan sektor perikanan pula RM62,274,209.20.

Perincian pecahan mengikut sektor dan negeri yang terlibat adalah seperti berikut:

Negeri	Anggaran Kerugian Mengikut Sektor (RM)		
	Pertanian	Penternakan	Perikanan
Perlis	324,504.00	-	60,000.00
Kedah	5,892,709.00	30,130.42	351,425.00
Pulau Pinang	5,797,641.00	344,346.00	57,111,070.00
Perak	1,027,268.00	-	1,125,761.70
Selangor	-	258,600.00	-
Negeri Sembilan	-	-	323,000.00
Melaka	176,390.00	-	23,500.00
Pahang	-	212,290.00	837,417.50
Terengganu	2,413,470.00	281,200.00	1,120,950.00

Kelantan	14,732,016.00	949,228.00	741,896.00
Sarawak	12,520,806.50	179,845.00	579,189.00
Sabah	2,505,843.00	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>45,390,647.50</b>	<b>2,255,639.42</b>	<b>62,274,209.20</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>109,920,496.12</b>		

Bagi membantu meringankan beban petani yang terlibat dalam bencana banjir tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan sebanyak RM16,319,138.23 sebagai bantuan ehsan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi.

Selain daripada itu, bantuan berbentuk input pertanian turut diberikan kepada petani, penternak dan nelayan yang terlibat di dalam bencana banjir tersebut. Bantuan input pertanian tersebut merangkumi makanan ternakan dan benih.

**SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L RASIAH (SUBANG)**

**TARIKH : 29 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10622**

**SOALAN :**

**PR-1361-L05359**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dan mengesahkan bahawa tarikh pembebasan dari Penjara Sungai Buloh untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah 8 Jun 2018.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Pengiraan tempoh hukuman, remitan dan tarikh pembebasan seseorang banduan termasuk Dato' Seri Anwar Ibrahim dibuat oleh Jabatan Penjara mengikut ketetapan Akta Penjara 1995 serta Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta dan Peraturan Penjara memperuntukkan sepertiga remitan daripada hukuman kepada mana-mana banduan yang menjalani hukuman melebihi satu bulan. Ia juga menetapkan bahawa jika pembebasan seseorang banduan jatuh pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, banduan tersebut hendaklah dibebaskan pada hari sebelumnya.

Oleh itu, bagi pengiraan hukuman dan remitan sepertimana ketetapan Akta serta Peraturan Penjara, tarikh pembebasan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah pada 10 Jun 2018, tetapi berikutan tarikh itu jatuh pada hari Ahad dan 9 Jun adalah Sabtu, maka Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh dibebaskan pada 8 Jun 2018.

Walau bagaimanapun, hukuman dan tarikh pembebasan seseorang banduan boleh berubah dan ini termasuk jika banduan melakukan kesalahan terhadap tatatertib penjara dan menyebabkan tindakan pelucuthakan remitan di bawah Peraturan-Peraturan Penjara 2000.